

Haji Ahmad Lotfi merasa bertuah dapat undangan peribadi PM

KUALA LUMPUR 2
Okt. — Penderma pertama tabung Kompleks UMNO, Haji Ahmad Lotfi Abdul Rahman, merasa bertuah mendapat jemputan peribadi daripada Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir dan berpual mesra dengan beliau selama 40 minit di pejabatnya, Khamis lalu.

Beliau yang menderma sebanyak \$3,000 untuk pembinaan Kompleks UMNO pada tahun 1979, telah diundang oleh Perdana Menteri untuk hadir bersama pada hari perasmian Kompleks UMNO baru-baru ini.

Sementara itu, pada sebelah pagi, sebelum Perdana Menteri merasmikan Kompleks UMNO, Haji Ahmad Lotfi telah diundang ke pejabat beliau dan mereka telah berpual mesra selama 40 minit.

Beliau yang juga Naib Ketua UMNO cawangan Sungai Siput seterusnya memberitahu, turut serta dalam pertemuan tersebut ialah ibunya, Hajah Saerah Alang Redan dan adiknya, Encik Ahmad Merbawi.

“Pembualan kami berlegar kepada sejarah per-

juangan UMNO pada masa dahulu dan sekarang, keadaan ekonomi negara, juga berhubungan dengan pembinaan Kompleks UMNO yang akan dirasmikan oleh beliau di sebelah petangnya,” katanya.

Beliau yang menerima jemputan peribadi tersebut melalui telegram melahirkan rasa kagum atas sifat-sifat kemesraan yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri sepanjang pembualan mereka.

Menyentuh tentang orang pertama menyumbang derma untuk pembinaan Kompleks UMNO, beliau berkata, derma tersebut diberi melalui pos setelah mende-

ngar ucapan Datuk Sri-Dr. Mahathir dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1979.

“Dalam ucapannya, Datuk Sri Dr. Mahathir telah merayu para perwakilan dan ahli-ahli UMNO supaya memberi sumbangan bagi menjayakan pembinaan Kompleks UMNO,” tambahnya.

Sebagai ahli UMNO yang mengikuti perjuangan UMNO sejak tahun 1956, Haji Ahmad Lotfi yang telah beberapa kali menghadiri Perhimpunan Agung UMNO merasa UMNO perlu mempunyai bangunannya sendiri untuk perhimpunan dan bukannya di hotel-hotel.

Setelah hampir 30 tahun bergiat dalam UMNO, beliau memberitahu, peristiwa penting yang tidak dapat dilupakan ialah ketika beliau merupakan salah seorang daripada 13 orang wakil Pemuda UMNO Perak di perbarisan memurunkan bendera “Union Jack” pada 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor.

“Kini saya tidak dapat melupakan surat penghargaan dan pertemuan dengan Perdana Menteri di pejabatnya,” ujar beliau.